



Prasarana Malaysia Berhad 199801011092(467220-U)

Ibu Pejabat, Menara Prasarana, Jalan PJU1A/46, Ara Damansara, PJU 1A, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7614 3333 Website : www.prasarana.com.my

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

RAPID KL BUKA LEMBARAN BAHARU, CATAT REKOD PENUMPANG TERTINGGI

- *Ambang tahun 2025 menyaksikan hampir 1.5 juta penumpang sehari*

KUALA LUMPUR, 1 Januari 2025 – Rapid KL, jenama perkhidmatan rel dan bas kendalian Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) membuka lembaran baharu tahun 2025 dengan mengendalikan hampir 1.5 juta penumpang pada 31 Disember 2024. Ini merupakan jumlah penumpang paling tinggi dalam sejarah penubuhannya, dengan peningkatan sebanyak 30 peratus berbanding purata harian 2024.

Jumlah kehadiran pengunjung yang tinggi ke acara sambutan ambang tahun baharu yang berlangsung di sekitar pusat bandar seperti di KLCC, TRX, Lalaport, Bukit Bintang, Pasar Seni, dan Sunway menyumbang kepada peningkatan ini.

Berdasarkan rekod, jumlah pengguna rel dan bas termasuk perkhidmatan “*Demand Responsive-Transit*” (DRT) pada malam ambang tahun baharu masing-masing adalah sebanyak 1.27 juta dan 207,266 penumpang, seperti berikut:

Perkhidmatan rel:

LALUAN	JUMLAH PENUMPANG
Kelana Jaya	345,791
Ampang/ Sri Petaling	244,878
Kajang	368,018
Monorel Kuala Lumpur	91,769
Putrajaya	221,252

Perkhidmatan bas dan DRT:

LALUAN	JUMLAH PENUMPANG
Bas Rapid KL	185,145
DRT	2,121
BRT Sunway	20,000

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Mohd Azharuddin Mat Sah berkata, "Rapid KL berasa amat bangga kerana dapat memenuhi keperluan pengguna pada malam tersebut dan sekaligus meningkatkan keyakinan warga kota untuk memilih mod pengangkutan awam sebagai azam tahun 2025."

Kelancaran operasi ini ditunjangi hampir 3,000 kakitangan barisan hadapan Rapid KL yang berdedikasi tinggi menjalankan tugas sehingga tamat waktu operasi pada jam 3 pagi, 1 Januari 2025.

"Kejayaan mengendalikan operasi berskala besar ini membuktikan bahawa kakitangan Rapid KL memiliki kemahiran dan kecekapan yang tinggi serta pengalaman yang luas dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat."

Koordinasi menyeluruh bersama pihak berkuasa seperti Pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), pengajur acara dan agensi-agensi terlibat serta perancangan teliti oleh pihak Rapid KL turut menjadi faktor kejayaan operasi berskala besar ini.

"Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada semua pengguna pengangkutan awam di Lembah Klang yang telah menyokong perkhidmatan Rapid KL sepanjang tahun 2024. Kejayaan mencatat rekod baharu ini menjadi satu semangat dan batu loncatan kepada Rapid KL untuk terus berusaha dan memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang dan efisien kepada semua pengguna pengangkutan awam," ujar Azharuddin lagi.

Rapid KL juga akan terus memperkasakan pengalaman pengguna pengangkutan awam disamping memperkenalkan pelbagai inisiatif yang lebih baik untuk tahun 2025 seperti perolehan bas elektrik dan van DRT baharu, pembukaan Laluan Shah Alam dan banyak lagi.

-Tamat-